

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, April 10, 2018 9:07 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: CARWASH PENDIDIK EXTRAVAGANZA MENJADI TUMPUAN RAMAI



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

10 APRIL 2018 / 23 REJAB 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

CARWASH PENDIDIK EXTRAVAGANZA MENJADI TUMPUAN RAMAI

Sintok, 3 April- Penglibatan mahasiswa dan mahasiswi pada masakini bukan hanya dapat dilihat daripada aspek penglibatan mereka secara aktif dalam bidang akademik mahupun sukan bahkan melalui pembabitannya dalam sesebuah program juga dapat mengasah keupayaan serta potensi diri untuk memupuk kepimpinan. Program Carwash Pendidik Extravaganza yang dianjurkan oleh Persatuan Pengurusan Pendidik pada 3 April 2018 di Tapak Pesta Konvo ini telah berjaya membuka peluang kepada mahasiswa atau mahasiswi untuk melatih diri dengan memberikan perkhidmatan dan layanan yang terbaik kepada para pelanggan.



Seramai 22 orang AJK Pelaksana termasuk Pengarah program iaitu Nur Dhiya Afika telah berjaya menjalankan program ini dengan sebaiknya kerana menerima kehadiran tetamu kehormat dari UUM iaitu TNC HEPA Prof.Dr Abdul Malek, Penasihat Persatuan Pengurusan Pendidikan iaitu Dr.Ahmad Sahidah, Mantan Penasihat Persatuan Pengurusan Pendidikan iaitu En.Mohammad Shah Kamaruzzaman serta Timbalan Dekan PPA CAS iaitu Dr Farhan yang turut sama turun padang bagi melihat program yang dijalankan pada sebelah pagi. Kenderaan daripada tetamu kehormat juga turut diberikan khidmat cucian yang terbaik.



Selain itu, penyediaan servis yang tip top ini juga telah mendapat banyak pujian daripada para pelanggan yang menerima servis dari pihak program kerana tawaran harga yang sangat berpatutan dan mereka sangat berpuashati. Pelanggan bukan sahaja datang dari pelajar atau staf tempatan malah pelanggan dari luar negara juga turut menerima perkhidmatan carwash ini. Sambutan hangat dan sangat memberangsangkan ini menyebabkan tempoh program perlu dipanjangkan sehingga terpaksa melewati masa untuk menutup perkhidmatan cuci kereta yang sepatutnya tamat pada 5.30 petang tetapi dilanjutkan sehingga jam 7 malam.



Di akhir program, dapat disimpulkan bahawa program ini membawa impak yang sangat positif dan mampu merapatkan hubungan melalui kerjasama yang baik serta mampu

menjana pendapatan yang lumayan. Tanpa kerjasama yang baik maka tidak berhasillah program yang sebaik ini bak kata pepatah 'bersatu teguh, bercerai roboh'.

Tamat.

Sekian

=====
Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.